

Gaya Pengajaran Guru Sejarah Terhadap Minat Pembelajaran Sejarah Murid Tahun Lima di Setapak, Kuala Lumpur

(History Teacher Teaching Styles Towards History Learning Interest Among Year Five Students' in Setapak, Kuala Lumpur)

Lau Wen Leon¹, Anuar Ahmad^{2*}

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: P111496@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: anuarmd@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Anuar Ahmad
(anuarmd@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Gaya pengajaran
Hubungan
Guru Sejarah
Minat pembelajaran
Murid

KEYWORDS:

Teaching styles
Relationship
History teachers
Learning interest
Students

CITATION:

Lau, W. L. & Anuar Ahmad. (2022). Gaya Pengajaran Guru Sejarah Terhadap Minat Pembelajaran Sejarah Murid Tahun Lima di Setapak, Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), e001994.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1994>

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti jenis gaya pengajaran guru Sejarah dan hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap minat pembelajaran sejarah murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur. Reka bentuk kajian yang telah dipilih dan digunakan dalam kajian ini ialah kajian tinjauan berbentuk deskriptif dan inferensi. Populasi kajian ini melibatkan murid-murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur, manakala sampel yang terpilih adalah seramai 50 orang daripada populasi. Instrumen kajian yang telah digunakan untuk mengumpulkan data pula ialah soal selidik. Soal selidik yang diubah suai ini mengandungi 47 item dan dibahagikan kepada 3 bahagian. Item-item tersebut menggunakan Skala Likert Lima Peringkat yang mempunyai lima jawapan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya pengajaran demokratik merupakan gaya pengajaran dominan yang diamalkan oleh guru Sejarah di Setapak, Kuala Lumpur. Seterusnya, dapatan kajian juga memaparkan bahawa tidak terdapat hubungan signifikan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap tahap minat pembelajaran Sejarah murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur. Dapatan kajian ini boleh memberi implikasi kepada pihak KPM, pihak IPGM, pihak pentadbir sekolah dan guru-guru Sejarah dalam meningkatkan tahap minat pembelajaran Sejarah murid.

ABSTRACT

The purpose of this study conducted is to identify the types of History teachers' teaching styles and the relationship of History teachers' teaching styles towards their year five students' history learning interest in Setapak, Kuala Lumpur. The study design that has been selected and used in this study is a descriptive and inferential survey study. The population of this study involved year five students in Setapak, Kuala Lumpur, while the selected sample was a

total of 50 people from the population. The research instrument that has been used to collect data is a questionnaire. This modified questionnaire contained 47 items and was divided into 3 sections. The items used a Five-Level Likert Scale that have five answers. The findings of the study show that democratic teaching style is the dominant teaching style practiced by History teachers in Setapak, Kuala Lumpur. Furthermore, the findings of the study also show that there is no significant relationship between the teaching style of History teachers on the level of interest in learning History of year five students in Setapak, Kuala Lumpur. The findings of this study can give implications to the MOE, IPGM, school administrators and History teachers in increasing the level of History learning interest among students.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada kerana jarang sekali hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap minat pembelajaran Sejarah murid dikaji. Oleh itu, adalah perlu pihak-pihak yang berkaitan memandang serius terhadap gaya pengajaran guru Sejarah dan minat pembelajaran Sejarah murid.

1. Pengenalan

Sejak pengenalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), mata pelajaran Sejarah telah diperkenalkan dan merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid mulai tahun 4 di sekolah rendah. Usaha ini dilakukan supaya murid memperoleh kefahaman tentang mata pelajaran Sejarah di peringkat awal di samping menguasai pengetahuan dan kemahiran sejarah. Sepanjang proses PdP Sejarah, konsep minat tidak boleh dipisahkan daripada pembelajaran murid. Secara umumnya, minat terbahagi kepada dua, iaitu minat situasi dan minat individu. Minat situasi dapat menggalakkan pembelajaran dengan meningkatkan perhatian dan penglibatan murid (Harackiewicz, Smith & Priniski, 2016). Jika minat itu berkembang menjadi minat individu, murid berkemungkinan melibatkan diri semula dengan bahan dalam tempoh masa yang lebih panjang dan meneroka topik berkenaan dengan lebih lanjut. Oleh itu, minat selalunya dijadikan ukuran tradisional kejayaan pendidikan, termasuk prestasi dan pengambilan kursus pada masa akan datang. Sehubungan dengan minat pembelajaran murid dalam mata pelajaran Sejarah, gaya pengajaran guru sebenarnya memainkan peranan yang amat penting. Guru Sejarah perlu menggunakan pelbagai gaya dan kaedah pengajaran untuk menarik minat pembelajaran murid. Maka, guru Sejarah mestilah menyedari dan menerima perbezaan individu dalam kalangan murid-muridnya serta mengubah suai gaya pengajarannya supaya bersesuaian dengan tahap dan keperluan murid.

Permasalahan murid tidak berminat dengan mata pelajaran Sejarah sering dibincangkan sejak dahulu hingga kini. Satu daripada punca murid tidak berminat dengan mata pelajaran Sejarah yang dapat dikenal pasti ialah mereka beranggapan bahawa mata pelajaran itu hanya menghafal fakta semata-mata (Zunaida Zkaria & Abdul Razaq, 2020). Namun, jika dipandang sepintas lalu fenomena ini sebenarnya disebabkan oleh penggunaan kaedah pengajaran tradisional dan kecenderungan guru menghabiskan masa untuk menyediakan murid menduduki peperiksaan (Wong et al., 2019). Pembelajaran Sejarah murid terus terkesan apabila kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan semua sekolah di dalam

Malaysia telah diarahkan untuk ditutup untuk mencegah penularan wabak *novel Coronavirus* 2019. Memandangkan para guru telah melalui latihan profesional, maka timbullah persoalan apakah gaya pengajaran guru Sejarah yang diamalkan bagi menarik minat pembelajaran Sejarah murid tahun lima apabila mereka kembali ke sekolah. Dari segi kajian yang dijalankan sama ada di dalam atau luar negara Malaysia, jarang sekali hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap tahap minat pembelajaran Sejarah murid dikaji. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan dengan bertujuan untuk mengenal pasti jenis gaya pengajaran guru Sejarah dan hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap tahap minat pembelajaran Sejarah murid-murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur.

1.1. Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui jenis gaya pengajaran guru Sejarah di Setapak, Kuala Lumpur berdasarkan persepsi murid.
- ii. Mengetahui hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap minat pembelajaran Sejarah murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur.

1.2. Persoalan Kajian

Bagi mengenal pasti gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru Sejarah di Setapak, Kuala Lumpur dan hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap minat pembelajaran Sejarah murid di Setapak, Kuala Lumpur, beberapa persoalan telah dikemukakan. Antara persoalan kajian adalah:

- i. Apakah tahap gaya pengajaran guru Sejarah di Setapak, Kuala Lumpur berdasarkan persepsi murid?
- ii. Apakah hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap minat pembelajaran Sejarah murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur?

1.3. Hipotesis Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menguji hipotesis berikut:

H_{o1} Tidak terdapat hubungan signifikan antara gaya pengajaran guru Sejarah terhadap minat pembelajaran Sejarah murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur.

2. Sorotan Literatur

2.1. Gaya Pengajaran Terhadap Pembelajaran Murid

Para pengkaji telah mendefinisikan konsep gaya pengajaran guru dari pelbagai perspektif. [Gregorc \(1979\)](#) menyatakan bahawa gaya pengajaran guru dalam pendidikan merujuk kepada penyesuaian yang dilakukan seiring dengan keperluan murid dan persekitarannya. Contohnya, seseorang guru yang menggunakan kaedah kuliah akan melakukan penyesuaian seperti penjujukan logik, pencahayaan dan tahap kedengaran bunyi di dalam bilik darjah. Mengikut [Conti \(1989\)](#), gaya pengajaran guru ialah kualiti atau tingkah laku sebenar yang berterusan meskipun kandungan yang disampaikan berbeza. [Dunn dan Dunn \(1979\)](#) pula menyatakan bahawa gaya pengajaran seseorang guru berkait rapat dengan gaya pembelajaran mereka sendiri. Oleh itu, guru cenderung

untuk mengajar murid-muridnya seperti mana mereka pelajari dan memperkenalkan strategi pembelajaran yang berkesan berdasarkan pengalaman peribadi mereka.

Banyak kajian berkaitan dengan gaya pengajaran guru telah dijalankan oleh para pengkaji memandangkan gaya pengajaran guru memainkan peranan yang amat penting dalam membina akhlak murid dan menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian-kajian lepas sama ada yang dijalankan di dalam negara mahupun di luar negara telah dikumpulkan.

[Khalid, Rohail dan Akhtar \(2021\)](#) telah menjalankan kajian terhadap remaja kurang upaya fizikal di wilayah Islamabad dan Rawalpindi, Pakistan dengan menggunakan instrumen *Adolescent Self-Regulatory Inventory* dan *Junior High School Teaching Styles Questionnaire* yang dibangunkan oleh [Chen \(2008\)](#). Hasil kajian mendapati bahawa gaya pengajaran *democratic* merupakan gaya pengajaran yang paling banyak digunakan berdasarkan persepsi sampel kajian. Bukan itu sahaja, hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan gaya pengajaran *democratic* terhadap peraturan sendiri jangka panjang.

Di samping itu, [Munir dan Rehman \(2016\)](#) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti tahap kekerapan strategi pembelajaran dan gaya pengajaran yang diamalkan berdasarkan persepsi murid. Instrumen *Motivated Strategies for Learning Questionnaire* dan *Teaching Style Questionnaire* yang dibangunkan oleh [Chen \(2008\)](#) telah digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi pembelajaran *help seeking* dan gaya pengajaran *democratic* paling kerap diamalkan berdasarkan persepsi sampel kajian.

[Ahmad Nasri \(2011\)](#) telah menjalankan kajian untuk melihat gaya pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah. Instrumen soal selidik yang diubah suai daripada Skala Gaya Pengajaran Grasha telah digunakan. Hasil kajian mendapati bahawa gaya Autoriti Formal, gaya Pakar dan gaya Delegator kerap digunakan oleh guru. Tambahan pula, hasil kajian juga mempamerkan bahawa tiada perbezaan signifikan gaya pengajaran guru berdasarkan tahap kelas yang diajar, opsyen, subjek dan pengalaman mengajar.

[Chang \(2010\)](#) telah menjalankan kajian untuk mengkaji persepsi pelajar sekolah menengah Taiwan terhadap gaya pengajaran guru dan amalan strategi pembelajaran dalam kalangan pelajar serta hubungan gaya pengajaran terhadap strategi pembelajaran. Hasil kajian mendapati bahawa gaya pengajaran dominan yang diamalkan ialah gaya *indifferent* dan majoriti pelajar cenderung untuk menggunakan strategi pembelajaran *effort management*. Hasil kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat hubungan signifikan gaya pengajaran guru terhadap amalan strategi pembelajaran dalam kalangan murid.

2.2. Minat Pembelajaran Murid Terhadap Gaya Pengajaran Guru

Menurut [Vo Hoang Ca, Dong Thi Thao Nguyen dan Kieu Thi Thu Chung \(2020\)](#), minat mencerminkan sikap sesuatu subjek terhadap realiti yang bersifat objektif. Minat mampu merangsang berlakunya aktiviti aktif dan membantu orang ramai melakukan kerja dengan mudah serta berkesan. Bukan itu sahaja, minat juga penting untuk meningkatkan perkembangan holistik seseorang. Mengikuti [Harackiewicz dan Hulleman \(2010\)](#), minat terhadap sesuatu perkara timbul apabila seseorang mengambil berat terhadapnya, menganggap perkara itu penting dan menzahirkan perasaan positif terhadapnya. [John Dewey \(1913\)](#) pula mendefinisikan minat sebagai penglibatan

seseorang dengan menumpukan perhatian sepenuh dalam sesuatu aktiviti, objek atau topik. Dalam konteks pendidikan, minat pembelajaran adalah penting bagi seseorang murid kerana penglibatan aktif dalam proses PdP dapat meningkatkan keberkesanan proses PdP dan secara langsung membangunkan perkembangan holistik seseorang murid itu.

Kajian mengenai hubungan antara gaya pengajaran guru dan minat pembelajaran murid banyak dijalankan di dalam dan luar negara Malaysia. [Ariany Rachman, Asfah Rahman dan Nurdin \(2021\)](#) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti gaya pengajaran guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dan pengaruh gaya pengajaran guru Bahasa Inggeris terhadap minat membaca pelajar Madrasah Aliyah Pondok Pesantren Darul Arqam Muhammadiyah Gombara Makasar. Instrumen senarai semak pemerhatian dan temu bual telah digunakan. Hasil kajian mendapati bahawa gaya pengajaran dominan yang diamalkan oleh guru Bahasa Inggeris ialah gaya autoriti dan gaya *facilitator*. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa gaya *facilitator* mempunyai pengaruh terhadap minat membaca murid.

[Sri Wahyuni dan Amalia Ananda \(2019\)](#) telah menjalankan kajian untuk mengkaji hubungan antara persepsi pelajar terhadap gaya pengajaran guru dan motivasi pembelajaran bahasa Inggeris. Instrumen soal selidik telah digunakan untuk memungut data. Antaranya ialah *Teachers Teaching Styles Questionnaire* yang dibangunkan oleh [Chen \(2008\)](#). Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada hubungan signifikan antara persepsi pelajar terhadap gaya pengajaran guru dan motivasi pembelajaran bahasa Inggeris.

[How \(2014\)](#) telah menjalankan kajian untuk menentukan hubungan gaya pengajaran guru terhadap minat pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Instrumen soal selidik *Grasha-Riechman Teaching Styles Inventory* telah digunakan. Dapatan kajian memaparkan bahawa terdapat hubungan signifikan gaya pengajaran guru terhadap minat pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.

[Harnita, Kisman dan Sukardi \(2017\)](#) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru Bahasa Inggeris di SMK Negeri 5 Makassar dan pengaruh gaya pengajaran guru Bahasa Inggeris terhadap minat pelajar di SMK Negeri 5 Makassar. Instrumen pemerhatian, rakaman audio-video dan temu bual telah digunakan. Hasil kajian mendapati bahawa gaya *expert*, gaya *formal authority* dan gaya *facilitator* telah diamalkan oleh guru Bahasa Inggeris di SMK Negeri 5 Makassar. Tambahan pula, hasil kajian juga mendapati bahawa gaya *facilitator* mempunyai pengaruh terhadap minat pelajar di SMK Negeri 5 Makassar.

3. Metod Kajian

Reka bentuk kajian yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini ialah kajian tinjauan berbentuk deskriptif kerana bentuk kajian ini mudah dijalankan. Selain itu, kajian tinjauan dipilih kerana ia sangat popular dalam kalangan pengkaji sains sosial. Ciri-ciri kajian tinjauan adalah bersesuaian dengan keadaan bidang kajian sains sosial itu sendiri ([Chua, 2006](#)). Ciri-ciri yang dimaksudkan termasuk pertanyaan soalan yang menyeluruh dalam pelbagai aspek, cara pengendalian yang digemari, misalnya, penggunaan borang soal selidik, saiz sampel yang besar, maklumat yang terus daripada responden serta keupayaan keputusan untuk digeneralisasikan ke atas populasi yang tepat dan berkesan.

3.1. Lokasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur. Seramai 50 orang murid tahun lima telah dipilih sebagai sampel kajian melalui kaedah persampelan rawak mudah. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan Teorem Had Kecenderungan Memusat yang menyatakan taburan persampelan akan menghampiri normal apabila saiz sampel melebihi 30 unit (Sang Gyu Kwak & Jong Hae Kim, 2017). Sejalan dengan pemilihan sampel kajian, ia adalah dilakukan berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan dalam kajian ini kerana kaedah ini dapat memastikan setiap unit populasi yang dikaji mempunyai peluang yang sama untuk dipilih.

3.2. Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data ialah soal selidik. Bahagian A dalam borang soal selidik mengandungi 3 item yang berkaitan dengan maklumat demografi atau latar belakang responden. Bahagian B dalam borang soal selidik pula mengandungi 29 item yang berkaitan dengan jenis gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru Sejarah berdasarkan persepsi murid. Item-item tersebut diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Chang (2010), iaitu *Students' Perceptions of Teaching Styles and Use of Learning Strategies*. Bagi bahagian C dalam borang soal selidik, responden telah diminta untuk menyatakan tahap minat pembelajaran Sejarah. Bahagian ini terdiri daripada 15 item yang kesemuanya diadaptasi daripada kajian Dan, Wei dan Zhan (2013), iaitu *Evaluation of History Interest Inventory-Development and Evaluation of a History Interest Inventory for Chinese K-12 Students*. Item-item dalam bahagian B dan bahagian C soal selidik menggunakan Skala Likert Lima Peringkat.

3.3. Kajian Rintis

Menurut Mohd Najib (1999), pelaksanaan kajian rintis adalah bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Ekoran borang soal selidik telah diubah suai daripada borang soal selidik yang asal, maka satu ujian rintis perlu dijalankan untuk menguji kefahaman responden terhadap item-item yang dikemukakan. Secara langsung, ia dapat memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian tersebut. Oleh itu, pengkaji telah menjalankan kajian rintis terhadap borang soal selidik yang dibina. Sehubungan itu, responden kajian rintis yang telah dijalankan terdiri daripada 15 orang murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur. Bilangan responden kajian rintis ditetapkan sebagai 15 orang kerana sampel kajian rintis tidak perlu terlalu besar dan hanya diperlukan 6 hingga 9 orang (Mohd Najib, 1999). Walau bagaimanapun, murid yang terlibat dalam kajian rintis adalah daripada populasi yang sama tetapi bukan responden kajian sebenar. Setelah borang soal selidik dijawab, pengkaji telah menentukan kebolehpercayaan instrumen melalui analisis ketekalan dalaman *Cronbach's Alpha*. Menurut Mohd Majid (2009), pekali *Cronbach's Alpha* yang berada di antara 0.6 dan 1.0 menunjukkan item-item dalam sesuatu instrumen itu mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan diterima. Dalam konteks kajian yang dijalankan, nilai pekali *Cronbach's Alpha* item ialah 0.635, maka tiada item dalam instrumen soal selidik yang perlu ditambah baik, diubah suai atau disingkirkan.

4. Hasil Kajian

4.1. Responden Kajian

Responden yang digunakan dalam kajian ini ialah murid-murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur. Seramai 50 orang murid tahun lima telah dipilih sebagai sampel kajian melalui kaedah persampelan rawak mudah. Aspek-aspek yang akan dihuraikan dalam demografi responden ialah jantina, kaum dan agama.

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam **Jadual 1** memaparkan bahawa responden lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 21 orang, iaitu 42%, manakala responden perempuan pula seramai 29 orang, iaitu 58%. Kesemua responden menunjukkan ciri-ciri yang sama, iaitu murid tahun lima yang mempelajari mata pelajaran Sejarah dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017).

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Jantina (n=50)

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	21	42
Perempuan	29	58

Selain itu, dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam **Jadual 2** menunjukkan bahawa 45 orang atau 90% daripada jumlah keseluruhan responden ialah bukan Melayu dan 5 orang atau 10% responden Melayu dipilih dalam kajian ini. Hal ini mendedahkan bahawa murid-murid di lokasi kajian terdiri daripada kaum Melayu dan bukan Melayu. Ternyata, responden-responden kajian terdiri daripada masyarakat berbilang kaum.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Kaum (n=50)

Kaum	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	5	10
Bukan Melayu	45	90

Seterusnya, analisis dapatan soal selidik dalam **Jadual 3** memperlihatkan bahawa kebanyakan responden yang terlibat dalam kajian ini bukan beragama Islam, iaitu seramai 45 orang atau 90%. Manakala, responden beragama Islam yang dipilih sebagai sampel kajian adalah seramai 5 orang atau 10%. Jelaslah, responden kajian menganuti pelbagai kaum.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Agama (n=50)

Agama	Kekerapan	Peratus (%)
Islam	5	10
Bukan Islam	45	90

4.2. Gaya Pengajaran yang Diamalkan oleh Guru Sejarah

Analisis ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian pertama, iaitu “Apakah tahap gaya pengajaran guru Sejarah di Setapak, Kuala Lumpur berdasarkan persepsi murid?” **Jadual 4** menunjukkan analisis min gaya pengajaran guru Sejarah. Berdasarkan **Jadual 4**, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap gaya pengajaran *democratic* adalah sederhana tinggi (min= 3.18, sisihan piawai= .65297). Gaya pengajaran *indifferent* berada pada tahap sederhana (min= 2.05, sisihan piawai= .76765). Manakala, tahap gaya pengajaran *authoritarian* (min= 1.90, sisihan piawai= .54054) dan gaya pengajaran

laissez-faire (min= 1.67, sisihan piawai= .49031) pula adalah rendah. Secara keseluruhannya, gaya pengajaran *democratic* merupakan gaya pengajaran dominan dalam kalangan guru-guru Sejarah di Setapak, Kuala Lumpur.

Jadual 4: Analisis Min Gaya Pengajaran Guru Sejarah

Gaya Pengajaran	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
<i>Democratic</i>	3.18	.65297	Sederhana Tinggi
<i>Authoritarian</i>	1.90	.54054	Rendah
<i>Laissez-Faire</i>	1.67	.49031	Rendah
<i>Indifferent</i>	2.05	.76765	Sederhana Rendah
Keseluruhan	2.36	.35742	Sederhana Rendah

4.3. Hubungan Gaya Pengajaran Guru Sejarah Terhadap Minat Pembelajaran Sejarah Murid Tahun Lima

Analisis ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian kedua, iaitu “Apakah hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap minat pembelajaran Sejarah murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur?”

Jadual 5 menggambarkan korelasi hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap tahap minat pembelajaran Sejarah murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur. Berdasarkan Jadual 5, tidak terdapat hubungan signifikan antara gaya pengajaran *democratic* ($r= 0.221$, $p>.05$), gaya pengajaran *authoritarian* ($r= -0.086$, $p>.05$), gaya pengajaran *laissez-faire* ($r= -0.056$, $p>.05$) dan gaya pengajaran *indifferent* ($r= -0.148$, $p>.05$) terhadap tahap minat pembelajaran Sejarah murid tahun lima. Secara keseluruhannya, tidak terdapat hubungan signifikan gaya pengajaran guru Sejarah ($r= 0.056$, $p>0.05$) terhadap tahap minat pembelajaran Sejarah murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur. Maka, hipotesis nul (H_{o1}) gagal ditolak.

Jadual 5: Korelasi Hubungan Gaya Pengajaran Terhadap Minat Pembelajaran Sejarah

Hubungan Gaya Pengajaran	Tahap Pembelajaran Sejarah		Interpretasi
	Nilai r	Nilai p	
<i>Democratic</i>	0.221	0.122	-
<i>Authoritarian</i>	-0.086	0.554	-
<i>Laissez-Faire</i>	-0.056	0.700	-
<i>Indifferent</i>	-0.148	0.304	-
Keseluruhan	0.056	0.699	-

*Signifikan pada aras 0.05

5. Perbincangan Kajian

5.1. Gaya pengajaran guru Sejarah

Seperti yang diketahui, aspek gaya pengajaran dalam kajian ini merangkumi gaya pengajaran *democratic*, gaya pengajaran *authoritarian*, gaya pengajaran *laissez-faire* dan gaya pengajaran *indifferent*.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya pengajaran *democratic* merupakan gaya pengajaran dominan dalam kalangan guru Sejarah di Setapak, Kuala Lumpur. Dapatan

ini selari dengan hasil kajian [Khalid, Rohail dan Akhtar \(2021\)](#) yang mendapati bahawa gaya pengajaran *democratic* merupakan gaya pengajaran yang paling banyak digunakan berdasarkan persepsi sampel kajiannya. Begitu juga dengan dapatan kajian [Munir dan Rehman \(2016\)](#) yang menunjukkan bahawa strategi pembelajaran *help seeking* dan gaya pengajaran *democratic* paling kerap diamalkan berdasarkan persepsi sampel kajian. Gaya pengajaran *democratic* adalah antara gaya pengajaran yang paling kerap digunakan oleh guru Sejarah di Setapak, Kuala Lumpur kerana gaya pengajaran yang berpusatkan murid amat ditekankan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran Sejarah, malah guru Sejarah disarankan agar merancang aktiviti PdP yang berpusatkan murid, aktif dan memberi pengalaman pembelajaran yang bermakna supaya mampu membentuk murid yang bersemangat patriotisme dan mempunyai minat pembelajaran Sejarah yang mendalam ([Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2021](#)). Hal ini dapat disokong oleh pernyataan yang dinyatakan oleh [Chen \(2008\)](#), murid belajar dan menunjukkan prestasi yang lebih baik apabila guru mengaplikasikan gaya pengajaran *democratic* dalam PdP berbanding dengan gaya pengajaran konvensional. Oleh itu, tidak hairanlah gaya pengajaran *democratic* kerap digunakan oleh guru Sejarah di Setapak, Kuala Lumpur.

5.2. Hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap minat pembelajaran Sejarah murid tahun

Persoalan ini membincangkan hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap tahap minat pembelajaran Sejarah murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan signifikan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap minat pembelajaran Sejarah murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur.

Dapatan kajian ini sealiran dengan hasil kajian [Sri Wahyuni dan Amalia Ananda \(2019\)](#) yang menunjukkan bahawa tiada hubungan signifikan antara persepsi pelajar terhadap gaya pengajaran guru dan motivasi pembelajaran bahasa Inggeris. Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan dengan hasil kajian [How \(2014\)](#) yang memaparkan bahawa terdapat hubungan signifikan gaya pengajaran guru terhadap minat pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Ada beberapa kemungkinan yang dapat menerangkan sebab gaya pengajaran guru Sejarah tidak ada hubungan dengan minat pembelajaran Sejarah murid. Sejak penutupan sekolah di seluruh Malaysia bagi memutuskan rantaian COVID-19, para guru dan murid telah pun mengharungi pelbagai cabaran dalam melaksanakan PdPR menerusi kaedah pembelajaran secara dalam talian. Contohnya, tiada peranti digital pintar yang mencukupi untuk mengikuti kelas secara dalam talian serta tiada capaian Internet, lemah atau tidak stabil. Kesemua cabaran yang dihadapi ini sudah pastinya memberi kesan kepada pembelajaran Sejarah murid dan secara langsung mengakibatkan murid tidak berminat dengan mata pelajaran Sejarah. Malahan, Menteri Kanan Pendidikan, Dr. Radzi Jidin juga turut menyatakan bahawa pelaksanaan PdPR secara dalam talian adalah kurang berkesan berbanding dengan PdP secara bersemuka ([Rohaniza, Mohd Iskandar & Zanariah, 2020](#)). Maka, walaupun murid telah kembali ke sekolah dan mengikuti pembelajaran Sejarah secara bersemuka, namun minat pembelajaran Sejarah mereka masih rendah dan mengakibatkan tiada hubungan signifikan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap minat pembelajaran Sejarah murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur.

6. Kesimpulan

Kajian ini telah meninjau jenis gaya pengajaran guru Sejarah dan hubungan gaya pengajaran guru Sejarah terhadap minat pembelajaran sejarah murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur. Berdasarkan hasil dapatan kajian, beberapa implikasi kajian yang melibatkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), pihak pentadbir sekolah dan guru-guru Sejarah telah dibincangkan. Sebagai penggubal dasar-dasar yang berkaitan dengan sistem pendidikan negara, KPM seharusnya mengambil inisiatif dalam membangunkan program yang boleh memacu guru untuk meningkatkan tahap minat pembelajaran Sejarah murid. IPGM pula harus memantapkan kursus yang berkaitan dengan gaya pengajaran guru di setiap kampus. Dalam mengurus dan mentadbir sekolah, sudah pastilah kita tidak dapat lari daripada membabitkan fungsi serta peranan guru besar dan guru penolong kanan. Mereka hendaklah memberi sokongan kepada guru-guru Sejarah dalam melaksanakan program-program yang boleh meningkatkan tahap minat pembelajaran Sejarah murid. Seterusnya, kajian ini juga mendatangkan implikasi kepada para guru. Bagi meningkatkan tahap minat pembelajaran Sejarah murid, guru mestilah mengamalkan sikap keterbukaan.

Seterusnya, beberapa cadangan kajian lanjutan juga telah diutarakan dan dibincangkan supaya boleh dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji-pengkaji pada masa akan datang. Berdasarkan dapatan kajian, dicadangkan pada kajian akan datang supaya meliputi peningkatan dari segi model kajian dan metodologi kajian. Selain itu, skop kajian ini juga perlu diperhalusi dengan cara menjalankan kajian secara kualitatif yang berkemungkinan akan dapat memberi maklumat yang lebih terperinci tentang gaya pengajaran guru Sejarah dan tahap minat pembelajaran Sejarah murid. Dalam kajian ini, gaya pengajaran guru Sejarah dan tahap minat pembelajaran Sejarah murid dinilai berdasarkan persepsi murid tahun lima sahaja. Pengukuran kedua-dua pemboleh ubah ini juga patut dinilai oleh guru sendiri yang lebih mengenali jenis gaya pengajaran yang diamalkan di dalam bilik darjah serta tahap minat pembelajaran Sejarah murid berdasarkan pemerhatian masing-masing. Ekoran kajian ini hanya digeneralisasikan kepada murid-murid tahun lima di Setapak, Kuala Lumpur sahaja, maka satu kajian lanjutan perlu dijalankan untuk melihat sama ada model yang dicadangkan dalam kajian ini dapat dipraktikkan terhadap murid-murid Tahap II di sekolah rendah yang terletak di daerah atau negeri lain.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan.

Rujukan

- Ahmad Nasri Nayan. (2011). *Perbandingan gaya pengajaran guru tahap satu dan guru tahap dua sekolah rendah*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Utara Malaysia.
- Ariany Rachman, Asfah Rahman & Nurdin Noni. (2021). English teachers' teaching styles and their effects on students' reading interest at senior high school. *Journal of Art, Humanity & Social Studies*, 1 (4): 27-35.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2021). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Tahun 6. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved from https://gurubesar.my/wp-content/uploads/2022/02/9.-DSKP-KSSR-SEJARAH-TAHUN-6_ISBN.pdf
- Chang, Y. C. (2010). *Students' Perceptions of Teaching Styles and Use of Learning Strategies*. Tesis Ijazah Sarjana, University of Tennessee.
- Chen, Y. C. (2008). *An investigation of the relationships between teaching style and studies achievement in miaoli jianguo junior high school*. Tesis Ijazah Sarjana: Hsuan Chuang University.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Buku 1, Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: The McGraw-Hill Companies.
- Conti, G. J. (1985). Assessing teaching style in adult education: How and why. *Lifelong Learning*, 8 (8): 7-11. Retrieved from http://www.conti-creations.com/PALS-Articles_Packet.pdf
- Dan, Y. J., Wei, T. L. & Zhao, W. J. (2013). Evaluation of History Interest Inventory-Development and Evaluation of a History Interest Inventory for Chinese K-12 Students. *Journal of International Social Studies*, 3(2), 71-86.
- Dunn, R. S. & Dunn, K. J. (1979). Learning styles/Teaching styles: Should they ... Can they ... Be Matched? *Educational Leadership*, 36(4): 238-244. Retrieved from https://files.ascd.org/staticfiles/ascd/pdf/journals/ed_lead/el_197901_dunn.pdf
- Gregorc, A. F. (1979). Learning/Teaching styles: Potent forces behind them. *Educational Leadership*, 36(4), 234-236. Retrieved from https://files.ascd.org/staticfiles/ascd/pdf/journals/ed_lead/el_197901_gregorc.pdf
- Harackiewicz, J. M. & Hulleman, C. S. (2010). The importance of interest: The role of achievement goals and task values in promoting the development of interest. *Social and Personality Psychology Compass*, 4(1), 42-52. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/229978920_The_Importance_of_Interest_The_Role_of_Achievement_Goals_and_Task_Values_in_Promoting_the_Development_of_Interest
- Harackiewicz, J. M., Smith, J. L. & Priniski, S. J. (2016). Interest matters: The importance of promoting interest in education. *Policy Insights Behav Brain Sci*, 3(2), 220-227. Retrieved from <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC5839644/pdf/nihms945590.pdf>

- Harnita Rosalia, Kisman Salija & Sukardi Weda. (2017). *The analysis of English Teachers' teaching style and their effects on students' interest*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universitas Negeri Makassar.
- How, S. P. (2014). Relationship between teachers teaching styles and students interest towards Integrated Living Skills subjects in schools. *Journal of International Educational Research*, 10(1), 7-14.
- John Dewey. (1913). *Interest and effort in education*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Khalid, T., Rohail, I. & Akhtar, A. (2021). Role of teaching styles on self-regulation among the adolescents with physical disabilities. *Humanities & Social Sciences Review*, 9(3), 100-110.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Munir, F. & Rehman, A. U. (2016). Most frequent teaching styles and student's learning strategies in public high schools of Lahore, Pakistan. *Sci. Int.*, 28(2), 1669-1674.
- Rohaniza Idris, Mohd Iskandar Ibrahim & Zanariah Abd Mutalib. (2020, 1 Julai). Pdp dalam talian kurang berkesan. *Berita Harian Online*. Retrieved Ogos 1, 2022, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/706183/pdp-dalam-talian-kurang-berkesan>
- Sang Gyu Kwak & Jong Hae Kim. (2017). Central limit theorem: the cornerstone of modern statistics. *Korean Journal of Anesthesiology*, 70(2), 144-156. Retrieved from <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC5370305/pdf/kjae-70-144.pdf>
- Sri Wahyuni & Amalia Ananda. (2019). Correlation between students' perception on teaching styles and their motivation in learning English. *Proceedings The 7th International Conference on English Language Teaching, Linguistics and Literature*, hlm. 25-31.
- Vo Hoang Ca, Dong Thi Thao Nguyen & Kieu Thi Thu Chung. (2020). Some ways to create interest for students towards history subject in school. *Journal of Critical Reviews*, 7 (14), 895-898. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/343125863_SOME_WAYS_TO_CREATE_INTEREST_FOR_STUDENTS_TOWARDS_HISTORY_SUBJECT_IN_SCHOOL
- Wong, L. K., Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Shakila Che Dahalan. (2019). The potentials of using digital primary sources in history classroom. *Social Sciences, Education and Humanities*, 2: 47-52.
- Zunaida Zakaria & Abdul Razaq Ahmad. (2020). *Pengetahuan dan kefahaman sejarah rakyat Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.